

08 SEP 1998

Komanwel-Mahathir

KEGAWATAN TIDAK JEJAS PERSIAPAN UNTUK SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia berjaya menyempurnakan persiapan untuk Sukan Komanwel walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Kita telah menyiapkan semua kemudahan dan persiapan bagi Sukan Komanwel walaupun mengalami kerugian beberapa ratus bilion dollar AS akibat kegiatan spekulasi di pasaran matawang dan bursa saham.

"Ia mencerminkan komitmen kita terhadap Sukan itu dan kesungguhan kita untuk menepati janji kita," katanya apabila merasmikan perhimpunan agung Persekutuan Sukan Komanwel di Hotel Palace of Golden Horses, di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia kesal bahawa laporan-laporan negatif mengenai negara dan Sukan tersebut masih wujud tetapi para pelawat ke negara ini akan berpeluang untuk memastikan sendiri keadaan yang sebenarnya.

"Kita harap kedatangan ramai pelawat ke sini akan dapat membetulkan imej Malaysia yang telah dicerminkan oleh setengah media antarabangsa," tambah beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun sukan hari ini memberi penekanan tentang kemenangan maruah negara, beliau harap "semangat kesukanan" seperti yang diamalkan dahulu akan terus bersemarak di Sukan tersebut.

Beliau berkata kemenangan adalah penting tetapi keakraban dan semangat persahabatan dalam pertandingan juga patut terus dihargai.

"Di dalam dunia yang penuh kepahitan dan konflik hari ini kita tidak perlu membawa ketegangan ini ke dalam padang permainan pula," katanya.

Beliau berkata Sukan Kuala Lumpur 98 akan meninggalkan kesannya sebagai Sukan Komanwel yang pertama kalinya diadakan di Asia, yang pertamanya dirasmikan oleh raja berpelembagaan negara Komanwel bukan-British, yang pertamanya memasukkan sukan-sukan berpasukan dan yang pertamanya menerima bantuan kerajaan di setiap peringkat.

Perdana Menteri berkata Sukan Kuala Lumpur juga merupakan yang pertamanya menggunakan teknologi maklumat terkini bagi sistem pengurusan sukan dan keputusan dan juga yang pertamanya menubuhkan hos agensi berita bagi penganjuran sesuatu acara sukan di dalam sejarah Sukan Komanwel.

Kuala Lumpur menempa sejarah sebagai Sukan Komanwel yang pertama mencatatkan penyertaan 100 peratus, termasuk satu rakan baru di dalam Persatuan Sukan Komanwel, Kiribati.

Dr Mahathir yakin samangat toleransi dan keharmonian kaum yang diamalkan di Malaysia akan wujud di kalangan para pegawai dan atlit yang terdiri dari berbilang kaum dan negara yang menyertai Sukan Komanwel yang terakhir untuk milenium ini.

Turut hadir ialah presiden CGF Putera Edward, setiausaha agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku, Pengerusi CGF Michael Fennell, presiden Majlis Olimpik Malaysia Tan Sri Hamzah Abu Samah, dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

--BERNAMA

MAM AFY AO